

PERJANJIAN

Antara Kesatuan Republik Sosialis Soviet dengan Amerika Syarikat bagi kerjasama Sains dan Teknik dalam bidang Tenaga Atom untuk kegunaan keamanan.

Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat,

Memberi perhatian besar terhadap masalah perkembangan tenaga yang berkembang dengan memuaskan di kedua buah negara dalam lain-lain negara di dunia.

Berhasrat untuk menyatukan usaha bagi kedua negara ke arah mengatasi masalah ini melalui kemajuan sumber-sumber tenaga yang cekap.

Menyedari bahawa soal mengatasi masalah ini bagi dicapai jika dimajukan lagi beberapa aspek dalam bidang nuklear teknologi yang sekarang sedang dikaji seperti mengawal thermonuklear dan pembiakan dan juga tambahan pada penyelidikan bagi harta-harta, mengakui dengan puas-hati hasil kejayaan dalam kerjasama antara kedua pihak pada masa lalu bagi faedah kedua rakyat dan semua umat manusia.

Sejajar dengan kemajuan selanjutnya antara kerajaan Soviet dan Kerajaan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang Sains dan Teknologi bagi kegunaan keamanan tenaga Atom antara Jawatankuasa Negara USSR bagi kegunaan tenaga Atom dan Suruhanjaya Tenaga Atom pada 28hb September, 1972.

Bersetuju sebagai berikut;

ARTIKEL I

Pihak-pihak berkenaan akan meluas dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan penggunaan tenaga nuklear dengan tujuan utama memajukan sumber-sumber tenaga baru. Kerjasama ini akan dijalankan berasaskan kepentingan bersama, persamaan dan keadilan.

ARTIKEL II

1. Kerjasama akan ditumpukan dalam ketiga bidang berikut :

(a) Pengembelian tenaga thermonuklear yang dikawal.

Matlamat kerjasama dalam bidang ini adalah lama-kelamaan terbentuknya reaktor thermonuklear pertama yang dapat dipamirkan. Kerjasama juga boleh dimasukkan dalam kajian pengiraan, percubaan dan rekabentuk dalam semua peringkat hinggalah ke peringkat perusahaan besar.

(b) Reaktor berkembang pesat.

Kerjasama dalam bidang ini menghala ke arah mengatasi masalah bagi kepentingan bersama dan mengkaji masalah baru yang berkaitan dengan rekabentuk, kemajuan, pembenaan dan gerakan kilang-kilang kuasa nuklear yang menggunakan reaktor berkembang pesat.

(c) Penyelidikan mengenai asas utama dlm pembendaan.

Kerjasama dalam bidang ini termasuklah kajian bersama di peringkat teori dan percubaan asas-asas yang dipersetujui bersama, terutama dalam kajian tenaga fisika tinggi, pertengahan dan rendah, melalui penggunaan ekselerator, alat-alat memproses data dan kemudahan-kemudahan lain di kedua buah negara. Kerjasama juga mungkin boleh dijalankan atas kemudahan-kemudahan bersama yang akan digunakan di dalam penyelidikan tersebut, terutama reka bentuk, perancangan dan pembenaan.

2. Butir-butir lanjut mengenai kerjasama di ketiga bidang ini akan disusun melalui protokol individu.

3. Kerjasama dalam bidang lain boleh ditambah melalui persetujuan bersama.

4. Kerjasama di bawah perjanjian ini adalah tertakluk di bawah undang-undang kedua negara.

ARTIKEL III

1. Kerjasama berikut termasuklah;

(a) Pembentukan kumpulan ahli-ahli Sains dan jurutera untuk rekabentuk dan pelaksanaan projek-projek usaha bersama.

(b) Usaha bersama dalam pembangunan dan projek percubaan permulaan dalam pemasangan dan pembenaan alat-alat.

(c) Kerjasama teori dan praktik oleh ahli-ahli sains di pusat-pusat penyelidikan yang sewajarnya di kedua buah negara.

(d) Rundingan bersama, seminar dan ahli-ahli penal.

(e) Bertukar-tukar alat-alat yang sewajarnya, bahan-bahan benaan.

(f) Bertukar-tukar ahli-ahli sains dan pakar-pakar dan

(g) Bertukar-tukar maklumat sains dan teknik, risalah-risalah dan hasil penyelidikan.

2. Kerjasama-kerjasama lain boleh ditambah dengan persetujuan bersama.

ARTIKEL IV

Selanjutnya pihak-pihak akan dengan sewajarnya memberi perangsang membantu dan mengesan kemajuan kerjasama serta hubungan terus antara pertubuhan-pertubuhan institusi kedua negara, termasuklah keputusan yang sewajarnya akan perlaksanaan protokol dan kontrek untuk menjalankan kegiatan kerjasama di bawah perjanjian ini.

ARTIKEL V

1. Bagi melaksanakan perjanjian ini akan dibentuk jawatankuasa bersama USSR-AS mengenai soal kerjasama dalam penggunaan kuasa atau untuk keamanan. Persidangan akan diadakan setahun sekali di Soviet Union dan Amerika Syarikat bergilir-gilir kecuali persetujuan lain dicapai.

2. Jawatankuasa bersama akan mengambil tindakan perlu bagi pelaksanaan perjanjian ini dengan berkesan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, kelulusan projek-projek tertentu dan rancangan kerjasama; peringkat sewajar pertubuhan yang menyertai dan institusi yang bertanggungjawab yang menjalankan kegiatan kerjasama; dan membuat cadangan-cadangan yang sewajarnya kepada kedua buah negara itu.

3. Bagi pihak USSR yang akan mewakili perjanjian ini ialah Jawatankuasa Negara USSR bagi pelaksanaan tenaga Atom sementara yang mewakili Amerika Syarikat pula ialah Suruhanjaya tenaga Atom Amerika. Wakil-wakil ini akan bertanggungjawab di atas pelaksanaan Jawatankuasa dan akan menyelaraskan dan menyelia pembangunan dan pelaksanaan kegiatan bersama yang diselenggarakan di bawah perjanjian ini.

ARTIKEL VI

Tidak ada sesuatu dalam perjanjian ini yang boleh ditafsirkan yang boleh membawa prasangka terhadap lain-lain perjanjian yang telah dicapai oleh pihak-pihak berkenaan.

ARTIKEL VII

1. Perjanjian ini hendaklah dikuasakan selepas ditandatangani dan dikuatkuasakan selama 10 tahun. Ia boleh diperbetulkan atau disambung dengan persetujuan bersama.

2. Penamatan perjanjian ini tidak akan terlibat pengesahan pelaksanaan protokol dan kontrek yang diadakan di antara pertubuhan-pertubuhan dan institusi kedua negara.

Dibuat di Washington pada 21 Jun, 1973 dalam dua salinan dalam dua bahasa iaitu Rusia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Kesatuan Republik
Socialis Soviet
L. I. BREZHNEV
Setiausaha Agung bagi
Jawatankuasa Pusat CPSU**

**Bagi Amerika Syarikat
RICHARD M. NIXON
Presiden Amerika Syarikat.**